'POINTS' UNTUK UCAPAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERJUMPAAN HARI RAYA MUHIBBAH OLEH PERIKATAN BAHAGIAN JOHOR BAHRU TIMUR DI PADANG DEWAN JUBLI INTAN PADA HARI JUMAAT, 16HB NOVEMBER, 1973 JAM 3.00 PETANG.

1. Ucapan Terimakasih

Sukacita dapat hadir dalam Majlis keraian sebagai mengambil berkat Hari Raya. Berdoa supaya penduduk-penduduk negeri Johor khasnya ahli-ahli Perikatan Bahagian Johor Bahru Timur akan dapat kebahagiaan dan keredhaan Tuhan dalam sebarang usaha yang dijalankan.

2. Pujian

Pujian kepada Perikatan, Bahagian Johor Bahru Timur yang mengadakan perjumpaan Hari Raya Muhibbah. Memang wajar bagi negara ini yang mempunyai penduduk berbilang bangsa serta menganut berbagai agama merayakan hari

mulia dengan cara bersama, memberikan gambaran kita sentiasa bersatu dan mempunyai semangat toleransi yang kuat. Semoga Parti Perikatan Bahagian Johor Bahru Timur akan dapat mengadakan muhibbah di hari mulia ini supaya dapat menyuburkan semangat muhibbah dan rasa persefahaman di kalangan pendudk.

3. Peranan

Peranan Perikatan Bahagian Johor Bahru Timur ialah sebagai pemimpin penduduk setempat dan mewujud hubungan antara mereka dengan Kerajaan. Parti Perikatan patutlah menjalankan pengarohnya dengan penuh minat dan giat serta mengambil berat akan segala masaalah penduduk kerana dengan peranan

keuntungan terutama harga tanah di daerah Johor Bahru ini telah melambung naik. Tetapi, kenaikan harga tanah ini hanyalah dirasakan oleh pemilik tanah. Bagi orang ramai yang tidak bertanah dan ingin mempunyai tanah, tentulah menghadapi kesulitan. Kerajaan memanglah berusaha untuk mengurangkan bebanan semua rakyat daripada segi sara hidup dan lain-lain dan dalam hal ini sedang berusaha dalam memberikan kemudahan.

5. <u>Penutup</u>

Ucapan terimakasih dan diharap akan dapat bertemu lagi di masa-masa yang akan datang.

---

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI
★ MALAYSIA ★
AHO/u

No Siri 573
No Penerimaan 83/79